


SABTU • 16.12.2017

ekonomi@utusan.com.my

# UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,  
Melalui Jalan Chan Sow Lin,  
55200, Kuala Lumpur.  
E-mel: ekonomi@utusan.com.my  
Twitter: @utusanbiz  
Laman web: www.utusan.com.my



PEMAJU perlu meneliti kawasan yang hendak dimajukan bagi mengelak masalah di kemudian hari sehingga terpaksa meminta bantuan kerajaan. - GAMBAR HIASAN

Bagi mengelak syarikat berdepan masalah jika projek mewah dilaksana gagal dijual

## Pemaju perlu lebih teliti

Oleh ZUNAIDAH ZAINON  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 DIS.

**K**ERAJAAN sama sekali tidak akan membantu menyelamatkan mana-mana syarikat pemaju yang berdepan dengan beban kewangan sekiranya gagal menjual projek mereka terutama bagi pembinaan pusat beli-belah dan bangunan komersial.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, adalah penting bagi pemaju untuk meneliti kawasan yang betul-betul strategik dan mampu menarik pembeli sebelum melaksanakan sebarang pembangunan bagi mengelakkan masalah di kemudian hari.

Katanya, sebagai contoh kawasan di sekitar Bukit Bintang dan KLCC, kerajaan tiada masalah untuk meluluskan projek pembangunan kerana kedudukannya memberi tarikan kepada pembeli.



Ini adalah ekosistem yang perlu kita lihat kerana kita tidak mahu pemaju membuat pembangunan mewah tetapi akhirnya tidak dapat melunaskan hutang dengan baik kerana unit-unit tidak dapat dijual."

**JOHARI ABDUL GHANI**  
Menteri Kewangan II

"Ini kerana jika pemaju ada masalah, bank juga akan menghadapi masalah dan akhirnya kami (kerajaan) turut berdepan masalah. Ini adalah ekosistem yang perlu kita lihat kerana kita tidak mahu pemaju membuat pembangunan mewah tetapi akhirnya tidak dapat melunaskan hutang dengan baik kerana unit-unit tidak dapat dijual.

"Secara dasarnya, pembekuan ini adalah sementara supaya keadaan kembali stabil dan kera-

jaan tidak mempunyai sebarang tempoh sasaran tertentu. Tetapi bagi pemaju mewah, jika mereka mempunyai lokasi yang strategik untuk dibangunkan dan bank juga ada keyakinan untuk membiayai projek tersebut, maka ia boleh diteruskan.

"Tetapi, ia juga bergantung kepada kelulusan daripada pihak Kementerian (Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Kita

tak nak kemudian hari, jika ada masalah (bank dan pemaju), mereka datang dan minta kita selamatkan. Ini bukan tugas kita (kerajaan)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian antara EcoWorld International (EcoWorld International) Berhad dan Willmott Dixon Holdings Limited di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Victoria Treadell; Pengerusi EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld Malaysia) dan Naib Pengerusi Eksekutif EcoWorld International, Tan Sri Liew Kee Sin; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif EcoWorld International, Datuk Teow Leong Seng dan Ketua Pegawai Eksekutif Willmott Dixon, Rick Willmott.

Kerajaan pada 1 November lalu membekukan sementara projek pembangunan hartanah bernilai RMI juta ke atas bagi kondominium, pusat beli-belah dan unit komersial.

Susulan itu, kerajaan mem-

bentuk jawatan kuasa yang dianggotai Johari, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Dalam pada itu, Johari memberitahu, buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebaliknya memberi tumpuan kepada pematuhan cukai tersebut.

"Kita ambil contoh Filipina, mereka mengenakan GST yang rendah dan kemudian naikan kepada 12 peratus tetapi kadar pematuhan mereka sangat rendah. Dan ini sangat tidak kompetitif. Saya melihat tiada keperluan naikan kadar tetapi yang penting adalah melaksanakan penguatkuasaan yang betul bagi memastikan ekonomi dapat berkembang," katanya.

KUALA LUMPUR  
(Indeks Komposit)  
(-5.93) mata  
1,753.07

SINGAPURA  
(Straits Times)  
(-16.43) mata  
3,419.35

TOKYO  
Nikkei  
(-141.23) mata  
22,553.22

NEW YORK  
Dow Jones  
(-76.77) mata  
24,508.66

TUKANG MATA  
WANG ASING  
15.12.17

DOLAR  
4.0250/1500

POUND  
5.4901/4967

EURO  
4.8149/8200

RIYAL (100)  
108.9779/109.0875

YEN  
3.6390/6436

DOLAR  
3.0337/0371

RUPIAH (100)  
0.0301/0301